BAB 3

SEMANTIK BAHAGIAN TUMBUH-TUMBUHAN DALAM PERIBAHASA MELAYU

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menganalisis kata nama tumbuhan yang berperanan sebagai pembawa maksud dalam peribahasa Melayu.

Berikut adalah kata nama tumbuhan yang terpilih sebagai bahan analisis :

Kata Nama Tumbuhan	Jumlah	Peratus (%)
Akar	6	8
Batang	12	16
Benih	3	4
Buah	9	12

Bunga	26	34.7
Dahan	2	2.7
Daun	5	6.7
Ranting	2	2.7
Pucuk	8	10.7
Umbut	2	2.7
Jumlah	75	100 %

3.2 Analisis Data

Data-data analisis disusun mengikut urutan sebagaimana susunan dalam Data Terkumpul (lihat 3.1)

3.2.1 KATA AKAR

Permaknaan denotatif bagi akar ialah bahagian tumbuh-tumbuhan yang lazimnya tumbuh ke dalam tanah.

Kata akar mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. musuhnya (1)
2. seseorang (2)
3. yang (4)
4. orang (5)

Kata akar mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. kelebihan seseorang (2)
2. orang-orang besarnya (3a)
3. orang-orang besar (3b)
4. orang yang tak kuasa (5)
5. keterangan (6)

Kelima-lima permaknaan konotatif ini dapat diklasifikasikan kepada empat komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya;

$$\text{Musuh} \begin{bmatrix} + \text{ hidup} \\ \pm \text{ manusia} \\ + \text{ konkrit} \\ \pm \text{ lelaki} \end{bmatrix}$$

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Musuh
[± dewasa
± jantan
± besar
± akal
± kuat
± jamak]

Seseorang
[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- jamak]

Yang kurang baik
[± hidup
± manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa]

Yang kurang baik	± akal ± benda ± besar ± jamak
Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak

Komponen-komponen semantik di atas, dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Hidupan
2. Yang *

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada dua subkategori, lihat rajah di bawah;



Kategori hidupan adalah superordinat kepada sub-subkategori manusia dan haiwan. Sementara sub-subkategori manusia dan haiwan adalah subordinat kepada kategori hidupan.

Subkategori manusia dapat dibahagikan kepada tiga klas, iaitu musuh, seseorang dan orang. Subkategori manusia adalah superordinat kepada klas-klas musuh, seseorang dan orang, sementara ketiga-tiga klasnya adalah subordinat kepada subkategori manusia.

Subkategori haiwan dapat dibahagikan kepada satu klas, iaitu musuh. Subkategori haiwan adalah superordinat kepada klas musuh, manakala klas musuh adalah subordinat kepada subkategori haiwan.

Kedua-dua subkategori manusia dan haiwan berkongsi makna hidup, konkrit dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di sebelah ;



1. Manusia
2. Haiwan

Sub-subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus manusia, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal bagi subkategori manusia; bukan manusia, jantan/betina, besar/kecil dan tidak berakal bagi subkategori haiwan.

Pencirian makna khusus di atas memperlihatkan hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan, lihat rajah di bawah;



Subkategori manusia dapat dibahagikan kepada tiga klas iaitu musuh, seseorang dan orang. Ketiga-tiga klas ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan

berakal untuk menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Musuh
2. Seseorang
3. Orang

Ketiga-tiga klas di atas berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus bukan haiwan dan jamak/tidak jamak bagi klas musuh; tidak jamak bagi klas seseorang; tiada spesifikasi bagi klas orang.

Klas musuh dalam subkategori manusia dan klas musuh dalam subkategori haiwan menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua klas ini mempunyai ciri makna khusus bertentangan, manusia, lelaki/perempuan dan berakal bagi klas musuh (manusia); bukan manusia, jantan/betina dan tidak berakal bagi klas musuh (haiwan).

Kategori yang kurang baik tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian juga menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam makna konotatif kata akar, sebaliknya keempat-empat makna ini tetap dalam lingkungan gologan kata yang sama,iaitu kata nama.

3.2.2 KATA BATANG

Permaknaan denotatif bagi kata <u>batang</u> ialah bahagian pokok yang tumbuh daripada akar.

Kata <u>batang</u> mempunyai sembilan permaknaan konotatif:

1. negeri (1)
2. pekerjaan (3, 8)
3. nasib orang (4)
4. perkara (5)

5. orang-orang besar (6)

6. sesuatu (7)

7. pertolongan (9)

8. orang yang kuat (11)

9. rugi (12)

Kata <u>batang</u> mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain;

1. tempat tinggal (2)

2. timbul perkara (5)

3. orang-orang besar silih berganti (6)

4. sesuatu perkara yang lama hilang (7)

5. pekerjaan yang mudah (8)

6. banyak menerima pertolongan (9)

7. pekerjaan (10)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada sembilan komponen semantik. Permaknaan ini dapat dicirikan seperti berikut sebagai maknanya;

$$\text{Negeri} \quad \begin{bmatrix} + \text{ konkrit} \\ + \text{ tempat} \\ \pm \text{ luas} \end{bmatrix}$$

Pekerjaan
[+ abstrak
+ tanggungjawab
+ dilakukan oleh manusia
+ tugas kewajipan]

Nasib orang
[+ abstrak
+ ditentukan Tuhan
± baik
± berubah]

Perkara
[+ abstrak
+ sesuatu
± serius]

Orang-orang besar	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki + dewasa + akal + pangkat + pengaruh - hina - miskin ± jamak
Sesuatu	± abstrak ± perkara ± serius ± benda ± besar

Pertolongan	+ abstrak + bermanfaat + dilakukan oleh manusia - dikenakan bayaran
Orang yang kuat	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + bertenaga - lemah ± jamak
rugi	+ abstrak + keadaan - untung

Komponen-komponen semantik di atas, dapat dikumpulkan kepada empat kategori;

1. Negeri
2. Abstrak
3. Manusia
4. Sesuatu

Kategori negeri dan sesuatu tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada lima subkategori, iaitu pekerjaan, nasib orang, perkara, pertolongan dan rugi, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori pekerjaan, nasib orang, perkara, pertolongan dan rugi. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kelima-lima subkategori di atas berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Pekerjaan
2. Nasib orang
3. Perkara
4. Pertolongan
5. Rugi

Kelima-lima subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus perbuatan, dilakukan oleh manusia dan tugas kewajipan bagi subkategori pekerjaan; ditentukan oleh Tuhan, baik/tidak baik dan boleh berubah/tidak boleh berubah bagi subkategori nasib orang; sesuatu dan serius/tidak serius bagi subkategori perkara; bermanfaat, dilakukan oleh manusia dan tidak dikenakan bayaran bagi subkategori pertolongan; keadaan dan tidak untung bagi subkategori rugi.

Kategori manusia membentuk dua subkategori, iaitu orang-orang besar dan orang kuat, lihat gambarajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori orang-orang besar dan orang yang kuat. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori orang-orang besar dan orang yang kuat berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit lelaki/perempuan, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang-orang besar
2. Orang yang kuat

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus dewasa, berpangkat, berpengaruh, tidak hina dan tidak miskin bagi subkategori orang-orang besar; bertenaga dan tidak lemah bagi subkategori orang yang kuat.

Kategori sesuatu tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan golongan kata bagi permaknaan konotatif kata batang. Permaknaan konotatif rugi membentuk golongan kata adjektif, sementara permaknaan yang selebihnya tetap dalam lingkungan kata nama.

3.2.3. KATA BENIH

Permaknaan denotatif kata <u>benih</u> ialah biji daripada buah kecil (seperti padi dan lain-lain) yang akan ditanam, atau bibit.

Kata <u>benih</u> mempunyai tiga permaknaan konotatif;

1. yang (1)
2. baik (2)
3. berbuat (3)

Kata <u>benih</u> mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. yang baik (1)
2. berbuat baik (3)

Ketiga-tiga permaknaan di atas dapat diklasifikasikan kepada 3 komponen semantik. Makna-makna ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya;

Yang

± abstrak
± hidup
± manusia
+ baik
+ benda
+ perkara

Baik

+ abstrak
+ keadaan
+ elok

Berbuat

+ abstrak
+ perbuatan
+ tindakan

Komponen-komponen semantik di atas, dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Yang *
2. Abstrak

Kategori yang * tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri. Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori,iaitu baik dan berbuat, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori baik dan berbuat. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Sub-subkategori baik dan berbuat berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori baik dan berbuat berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus keadaan dan elok bagi subkategori baik; perbuatan dan tindakan bagi subkategori berbuat.

Permaknaan konotatif yang tidak berubah golongan kata, sebaliknya permaknaan konotatif baik membentuk golongan kata adjektif manakala permaknaan konotatif berbuat membentuk golongan kata kerja.

3.2.4. KATA BUAH

Permaknaan denotatif kata buah ialah bahagian tumbuh- tumbuhan yang terjadi daripada bunga atau putik dan biasanya berbiji.

Kata buah mempunyai tujuh permaknaan konotatif;

1. orang (1)
2. sesuatu (2)
3. perkataan (3)
4. wanita (5)
5. orang tua (6)
6. kelakuan (7)
7. anak sendiri (8)

Kata buah mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. orang yang elok rupanya (1)
2. sesuatu cita-cita (2)
3. banyak kesenangan (4)
3. perkataan yang manis-manis (3)
4. orang tua yang sudah uzur (6)
5 i) orang yang tiada berbudi pekerti (9a)
   ii) yang tidak berguna (9b)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada tujuh komponen semantik. Berikut adalah pencirian maknanya;

Orang
[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Sesuatu
[+ abstrak
+ perkara
± serius]

Perkataan
[+ abstrak
+ bunyi/gabungan bunyi
+ disebut/ditulis
+ guna huruf]

Wanita
[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Orang tua

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
+ lemah
+ lanjut usia
+ akal
± jamak

Kelakuan

+ abstrak
+ tabiat
+ perangai
+ perbuatan
+ gaya

Anak sendiri	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal + keturunan X ± jamak

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Manusia
2. Abstrak

Kategori manusia dapat dipecahkan kepada empat subkategori, iaitu orang, wanita, orang tua dan anak sendiri lihat rajah di bawah;



Manusia adalah superordinat kepada orang, wanita, orang tua dan anak sendiri. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Sub-subkategori orang, wanita, orang tua dan anak sendiri berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Orang
2. Wanita
3. Orang tua
4. Anak sendiri

Keempat-empat subkategori di atas berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tiada spesifikasi bagi subkategori orang; bukan lelaki dan dewasa/tidak dewasa bagi subkategori wanita; lelaki/perempuan, lemah dan lanjut usia bagi subkategori orang tua; lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan keturunan X bagi subkategori anak sendiri.

Kategori abstrak dapat dibahagikan tiga subkategori iaitu sesuatu, perkataan dan kelakuan, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori sesuatu, perkataan dan kelakuan. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori sesuatu, perkataan dan kelakuan berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus perkara dan serius/tidak serius bagi subkategori sesuatu; bunyi/gabungan bunyi, disebut/ditulis dan guna huruf bagi subkategori perkataan; tabiat, perangai dan perbuatan bagi subkategori kelakuan.

Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perubahan golongan kata bagi permaknaan konotatif kata buah. Kesemua permaknaan konotatif ini masih tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

3.2.5. KATA BUNGA

Permaknaan denotatif kata bunga ialah bahagian tumbuh-tumbuhan yang biasanya berwarna-warni dan akan menjadi buah.

Kata bunga mempunyai 16 permaknaan konotatif;

1. anak perempuan (1)
2. hak seseorang (2, 12)
3. sesuatu (3)
4. seseorang perempuan (4)
5. seseorang (5)
6. yang hidup (6)
7. seorang gadis (8)
8. yang (9)
9. perawan/gadis (11, 23)
10. perempuan (14)
11. sesuatu yang baik (15)
12. lelaki atau perempuan (17)
13. sesuatu pertolongan (18)

14. perbuatan baik (20, 21a)

15. tenaga (21b, 22)

16. kasih sayang (26)

Kata bunga mengalami perluasan makna apabila kata bunga berkolokasi dengan kata lain.

1. seseorang yang gemar akan hak seseorang (2, 12)

2. sesuatu yang dipakai (3)

3. kecantikan dan keelokkan seorang perempuan (4)

4. seseorang yang mulanya menurut kehendak kita (5)

5. yang hidup akan mati (6)

6. orang perempuan tua (7,10)

7. kecantikan seorang gadis (8)

8. yang - benda, manusia dan haiwan (9)

9. perawan tua (11)

10. seseorang yang gemar akan hak orang lain (12)

11. gadis (13)

12. selalu terkenang (16)

13. yang banyak (19)

14. yang sedikit (19)

15. seorang (24)

16. keluarga yang banyak (24)

17. yang lama dan kurang baik (25)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada 16 komponen semantik. Berikut adalah ciri-ciri maknanya;

Anak perempuan
[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
+ keturunan X
± jamak]

Hak seseorang
[+ konkrit
+ benda
+ milik orang
- kepunyaan sendiri]

Sesuatu

[+ konkrit
+ benda
± milik sendiri
± besar]

Seseorang perempuan

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
- jamak]

Seseorang

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
- jamak]

Yang hidup

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
± jantan
± besar
± akal
± jamak

Seorang gadis

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ perawan
+ akal
- jamak

Yang

± hidup
± manusia
+ konkrit
± benda
± jamak

Perawan/Gadis

+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ perawan
+ akal
± jamak

Perempuan

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
- lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Sesuatu yang baik

[+ konkrit
+ benda
+ berguna]

Lelaki atau perempuan

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
+ akal
± jamak]

Sesuatu pertolongan	± abstrak + perbuatan baik + bantuan - dikenakan bayaran
Perbuatan baik	+ abstrak + perlakuan - jahat + disukai
Tenaga	+ abstrak + kekuatan
Kasih sayang	+ abstrak + perasaan + menyayangi

Komponen-komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada empat kategori;

1. Hidupan
2. Konkrit

3. Yang ·

4. Abstrak

Kategori hidupan dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu manusia dan haiwan. Subkategori manusia dapat dipecahkan kepada klas iaitu anak perempuan, seorang perempuan, seseorang, yang hidup, seorang gadis, perawan/gadis dan lelaki/perempuan. Sementara subkategori haiwan dipecahkan kepada satu klas iaitu yang hidup, lihat rajah di bawah;



Kategori hidupan adalah superordinat kepada sub-subkategori manusia dan haiwan. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori hidupan.

Subkategori manusia adalah superordinat kepada klas-klas anak perempuan, seorang perempuan, seseorang, yang hidup, seorang gadis, perawan/gadis dan lelaki/perempuan. Sementara klas-klas manusia adalah

subordinat kepada subkategori manusia. Hal yang sama juga kepada subkategori haiwan.

Kedua-dua subkategori manusia dan haiwan berkongsi ciri makna hidup, konkrit dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Manusia
2. Haiwan

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus manusia, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal bagi subkategori manusia; bukan manusia, jantan/betina, besar/kecil dan tidak berakal bagi subkategori haiwan.

Pencirian makna khusus di atas menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna saling melengkapi pertentangan, kerana ciri makna khusus yang antonim, lihat rajah;



Klas-klas anak perempuan, seorang perempuan, seseorang, yang hidup, seorang gadis, perawan/gadis dan lelaki/perempuan dalam subkategori manusia menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, kerana berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, dewasa/tidak dewasa dan berakal, lihat rajah di bawah;



Ketujuh-tujuh klas ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus bukan lelaki, keturunan X dan jamak/tidak jamak bagi klas anak perempuan; bukan lelaki dan tidak jamak bagi klas seorang perempuan; lelaki/perempuan dan tidak jamak bagi klas seseorang; lelaki/perempuan dan jamak/tidak jamak bagi

klas yang hidup; bukan lelaki, perawan dan tidak jamak bagi klas seorang gadis; bukan lelaki, perawan dan jamak/tidak jamak bagi klas perawan/gadis; lelaki/perempuan dan jamak/tidak jamak bagi klas lelaki/perempuan.

Pencirian makna di atas memperlihatkan dua klas yang mempunyai hubungan dalam perkaitan makna. Klas seorang gadis dan klas perawan/gadis membentuk hubungan dalam perkaitan makna tumpang/tindih, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua klas di atas berbeza antara satu sama lain berasaskan bilangan jamak/tidak jamak. Klas seorang gadis mempunyai ciri bilangan tidak jamak, sementara klas perawan/gadis boleh jamak/tidak jamak.

Kategori konkrit dapat dibahagikan kepada tiga subkategori, iaitu hak seseorang, sesuatu dan sesuatu yang baik, lihat rajah di bawah;



Kategori konkrit adalah superordinat kepada sub-subkategori hak seseorang, sesuatu dan sesuatu yang baik. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori konkrit.

Ketiga-tiga subkategori hak seseorang, sesuatu dan sesuatu yang baik berkongsi ciri makna konkrit dan benda untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Hak sesoorang
2. Sesuatu
3. Sesuatu yang baik

Ketiga-tiga subkategori di atas berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus milik orang dan bukan kepunyaan sendiri bagi subkategori hak seseorang; milik

sendiri/bukan milik sendiri dan besar/kecil bagi subkategori sesuatu; berguna bagi subkategori sesuatu yang baik.

Kategori yang tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada empat subkategori, iaitu sesuatu pertolongan, perbuatan baik, tenaga dan kasih sayang, lihat rajah di bawah;



Keempat-empat subkategori di atas berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Sesuatu pertolongan
2. Perbuatan baik
3. Tenaga
4. Kasih sayang

Keempat-empat subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus perbuatan baik, bantuan dan tidak dikenakan bayaran bagi subkategori sesuatu pertolongan; perlakuan, tidak jahat dan disukai bagi subkategori perbuatan baik; kekuatan bagi subkategori tenaga; perasaan dan menyanyangi bagi subkategori kasih sayang.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata bunga. Sebaliknya kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan kata nama.

3.2.6. KATA DAHAN

Permaknaan denotatif kata dahan ialah bahagian yang tumbuh daripada batang pokok.

Kata dahan mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. orang
2. keterangan

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Berikut adalah ciri maknanya;

Orang	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal ± jamak
Keterangan	+ abstrak + jelas + bukti + perkara

Komponen semantik kata dahan dapat dikumpulkan kepada dua kategori iaitu;

1. Orang (1)
2. Keterangan (2)

Kedua-dua kategori ini tidak menunjukkan perkaitan makna antara satu sama lain. Kedua-duanya membentuk makna yang tersendiri. Tidak ada perubahan golongan kata bagi makna konotatif kata dahan.

3.2.7. KATA DAUN

Permaknaan denotatif kata daun ialah bahagian tumbuh-tumbuhan yang keluar berhelai-helai pada batang (dahan atau ranting) dan biasanya berwarna hijau.

Kata daun mempunyai empat permaknaan konotatif;

1.anak saudara (1, 2)

2. kelakuan (kata) (3)

3. i).orang yang tiada berbudi pekerti (4a)

   ii). yang (4b)

4. hidup melarat (5)

Permaknaan konotatif ini dapat diklasifikasikan kepada lima komponen semantik. Berikut adalah ciri maknanya;

Anak saudara [+ hidup, + manusia, + konkrit, ± lelaki, ± dewasa]

Anak saudara	+ anak kepada saudara kandung X + akal ± jamak
Kelakuan (kata)	+ abstrak + tabiat + perangai + kata
Orang yang tiada berbudi pekerti	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa + akal - santun ± jamak

Yang [+ konkrit, + benda, - hidup]

Hidup melarat [+ abstrak, + keadaan, - senang, + merempat]

Komponen semantik kata <u>daun</u> dapat dikumpulkan kepada tiga kategori;

1. Manusia
2. Abstrak
3. Yang

Kategori manusia dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu anak saudara dan orang yang tiada berbudi pekerti, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori anak saudara dan orang yang tiada berbudi pekerti. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori anak saudara dan orang yang tiada berbudi pekerti berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Anak saudara
2. Orang yang tiada berbudi pekerti

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus anak kepada saudara kandung X bagi subkategori anak saudara; tidak santun bagi subkategori orang yang tiada berbudi pekerti.

Kategori abstrak pula dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu kelakuan (kata) dan hidup melarat, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori kelakuan (kata) dan hidup melarat. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Kedua-dua subkategori di atas berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Kelakuan (kata)
2. Hidup melarat

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tabiat, perangai dan kata bagi subkategori kelakuan (kata); keadaan, tidak senang dan merempat bagi subkategori hidup melarat.

Kategori yang * tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kategori ini berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian juga menunjukkan tidak berlaku perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ini. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan golongan kata nama.

3.2.8 KATA RANTING

Permaknaan denotatif kata ranting ialah bahagian cabang yang kecil-kecil atau cabang dari pokok atau tumbuhan.

Kata ranting mempunyai dua permaknaan konotatif;

1. tempat tinggal (1)
2. segala bahaya dan rintangan (2)

Permaknaan konotatif diatas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Ciri maknanya adalah seperti berikut;

Tempat tinggal	+ konkrit + tempat ± luas + berpenghuni

Segala bahaya dan rintangan	+ abstrak + keadaan + ancaman + kecelakaan + nahas

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada dua kategori; iaitu,

1. Tempat tinggal
2. Bahaya dan rintangan

Kedua-dua kategori ini tidak mempunyai hubungan dalam perkaitan makna. Kedua-duanya berdiri sebagai makna yang tersendiri.

Dapatan kajian menunjukkan berlaku perubahan golongan kata bagi permaknaan konotatif segala bahaya dan rintangan. Permaknaan ini membentuk golongan kata adjektif, sementara permaknaan yang selebihnya tidak berubah golongan kata.

3.2.9 KATA RUAS

Permaknaan denotatif kata ruas ialah bahagian antara buku dngan buku (buluh, jari, tebu dan lain-lain).

Kata ruas mempunyai empat permaknaan konotatif;

1. i) keadaan yang sepadan (1a)
   ii) pasangan yang secocok (1b)
2. keadaan yang lemah (2)
3. orang yang bertubuh besar (3)
4. keadaan manusia yang jujur (4)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada lima komponen semantik. Komponen-komponen ini akan dicirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Keadaan yang sepadan [+ abstrak, + suasana, - janggal, + elok]

Pasangan yang secocok

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- janggal
+ elok
+ kumpulan manusia bilangan genap
+akal
+ jamak]

Keadaan yang lemah

[+ abstrak
+ suasana
- kuat
- bertenaga]

Orang yang bertubuh besar	+ hidup + manusia + konkrit ± lelaki ± dewasa - bersaiz kecil + akal ± jamak
Keadaan manusia yang jujur	+ abstrak + suasana + melibatkan orang - jahat

Keempat-empat komponen makna ini membentuk dua kategori;

1. Abstrak
2. Manusia

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada tiga subkategori, iaitu keadaan yang sepadan, keadaan yang lemah dan keadaan manusia yang jujur, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori keadaan yang sepadan, keadaan yang lemah dan keadaan manusia yang jujur. Manakala sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Ketiga-tiga subkategori ini berkongsi ciri makna abstrak dan suasana untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Keadaan yang sepadan
2. Keadaan yang lemah
3. Keadaan manusia yang jujur

Ketiga-tiga subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak janggal dan elok bagi subkategori keadaan yang sepadan; tidak kuat dan tidak bertenaga bagi subkategori keadaan yang lemah; melibatkan orang dan tidak jahat bagi subkategori keadaan manusia yang jujur.

Kategori manusia dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu pasangan yang secocok dan orang yang bertubuh besar, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori pasangan yang secocok dan orang yang bertubuh besar. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori di atas berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa dan berakal untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus tidak janggal, elok, sekumpulan manusia yang bilangannya genap dan jamak bagi subkategori pasangan yang secocok; tidak bersaiz kecil dan jamak/tidak jamak bagi subkategori orang yang bertubuh besar.

Dapatan kajian menunjukkan tidak berlaku sebarang perubahan golongan kata dalam permaknaan konotatif kata ruas ini. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan kata nama.

3.2.10 KATA PUCUK

Makna denotatif kata pucuk ialah daun yang baharu terbit, daun muda (di puncak pokok atau di hujung ranting).

Kata pucuk mempunyai enam permaknaan konotatif;

1. lebih (1, 3)
2. kawan baru (2)
3. kaya (5)
4. sama darjat (6)
5. rakyat biasa (7)
6. yang kurang baik (8)

Kata pucuk mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain.

1. menderita (4)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada enam komponen semantik. Berikut adalah ciri maknanya;

Lebih
[+ konkrit
+ lebih banyak
+ lebih mencukupi]

Kawan baru
[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- rakan lama
+ akal
± jamak]

Kaya

[+ abstrak
+ keadaan
+ berharta
+ mewah
- susah]

Sama darjat

[+ abstrak
+ nilai
+ martabat
+ taraf sosial
- beza]

Rakyat biasa

[+ hidup
+ manusia
+ konkrit
± lelaki
± dewasa
- pangkat
- pengaruh]

Rakyat biasa	- mulia - kaya + akal ± jamak
Yang kurang baik	+ konkrit + benda + tidak elok - bagus

Komponen semantik di atas dapat dikumpulkan kepada tiga kategori;

1. Konkrit
2. Manusia
3. Abstrak

Kategori konkrit dapat dibahagikan kepada dua subkategori, iaitu lebih dan yang kurang baik, lihat rajah di bawah;



Kategori konkrit adalah superordinat kepada sub-sub kategori lebih dan yang kurang baik. Manakala sub-sub kategori adalah subordinat kepada kategori konkrit.

Kedua-dua subkategori di atas berkongsi ciri makna konkrit untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus lebih banyak dan lebih mencukupi bagi subkategori lebih; benda, tidak elok dan tidak bagus bagi kategori yang kurang baik.

Kategori manusia pula dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu kawan baru dan rakyat biasa, lihat rajah di bawah;



Kategori manusia adalah superordinat kepada sub-subkategori kawan baru atau rakyat biasa. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori manusia.

Kedua-dua subkategori ini berkongsi ciri makna hidup, manusia, konkrit, lelaki/perempuan, dewasa/tidak dewasa, berakal dan jamak/tidak jamak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



1. Kawan baru
2. Rakyat biasa

Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus bukan rakan lama bagi

subkategori kawan baru; tidak berpangkat, tidak berpengaruh, tidak mulia, dan tidak kaya bagi subkategori rakyat biasa.

Kategori abstrak dapat dibahagikan kepada dua subkategori iaitu kaya dan sama darjat, lihat rajah di bawah;



Kategori abstrak adalah superordinat kepada sub-subkategori kaya dan sama darjat. Sementara sub-subkategori adalah subordinat kepada kategori abstrak.

Sub-subkategori kaya dan sama darjat berkongsi ciri makna abstrak untuk membentuk hubungan dalam perkaitan makna rangkuman, lihat rajah di bawah;



Kedua-dua subkategori ini berbeza antara satu sama lain berasaskan ciri makna khusus masing-masing. Ciri makna khusus keadaan, berharta, mewah dan tidak susah bagi subkategori kaya; nilai, martabat, taraf sosial dan tiada beza bagi subkategori sama darjat.

Dapatan kajian menunjukkan tidak ada permaknaan konotatif kata pucuk yang berubah golongan kata. Kesemua permaknaan konotatifnya tetap dalam lingkungan golongan kata yang sama - kata nama.

3.2.11 KATA UMBUT

Permaknaan denotatif kata umbut ialah bahagian pangkal pucuk batang palma (seperti kelapa, enau dan lain-lain) yang lembut dan boleh dimakan.

Kata umbut mempunyai dua permaknaan konotatif:

1. yang baik (1)
2. yang sukar dan sia-sia (2)

Permaknaan konotatif di atas dapat diklasifikasikan kepada dua komponen semantik. Komponen-komponen semantik ini akan bercirikan seperti berikut sebagai maknanya.

Yang baik	± konkrit ± benda + elok + bagus
Yang sukar dan sia-sia	+ abstrak + keadaan - mudah - berfaedah

Komponen semantik kata umbut dapat dikumpulkan kepada dua kategori;

1. Yang baik *
2. Yang sukar dan sia-sia

Kedua-dua kategori ini tidak menunjukkan hubungan dalam perkaitan makna. Kedua-duanya berdiri sebagai satu makna yang tersendiri.

Dapatan kajian juga menunjukkan berlaku perubahan golongan kata bagi permaknaan konotatif kata umbut. Kedua-dua permaknaan konotatifnya berubah golongan kata untuk membentuk golongan kata adjektif.

3.3 KESIMPULAN

Kata bahagian tumbuh-tumbuhan dikonotatifkan untuk menggambarkan diri manusia dan perkara yang berlaku ke atas manusia dan persekitaran manusia.

Penggunaan kata bahagian tumbuh-tumbuhan ini bukan sahaja digunakan secara 'tersendiri' untuk menggambarkan sesuatu permaknaan malah kata bahagian tumbuh-tumbuhan ini dihubungkaitkan atau digandingkan dengan kolokasi (keberadaan) bahagian tumbuh-tumbuhan tersebut. Gandingan kata bahagian tumbuh-tumbuhan dengan kata lain secara langsung akan memperluaskan permaknaan konotatif yang didukungi oleh sesuatu kata, lihat rajah di bawah:

Kata Bahagian Tumbuh-tumbuhan		Kolokasi Kata Bahagian Tumbuhan	
Kata Bahagian Tumbuhan	Konotatif	Kolokasi Kata	Konotatif
1. Akar	1. Seseorang (2) 2. Orang (5)	1. Kuat Akar 2. Akar lapuk	1. Kelebihan seseorang (2) 2. Orang yang tak kuasa (5)

Kata Bahagian Tumbuh-tumbuhan		Kolokasi Kata Bahagian Tumbuhan	
2. Batang	1. Perkara (2) 2. Pekerjaan (8) 3. Orang-orang besar (6) 4. Sesuatu (7) 5. Pertolongan (9)	1. Batang berguling 2. Batang beralih 3. Batang terendam 4. Batang bertindih	1. Timbul perkara (2) 2. Pekerjaan yang mudah (8) 1. Orang-orang besar silih berganti (6) 1. Sesuatu perkara yang lama hilang (7) 1. Banyak menerima pertolongan (9)
3. Benih	1. Yang (1) 2. Berbuat (3)	1. Benih yang baik 2. Benih baik	1. Yang baik (1) 2. Berbuat baik (3)
4. Buah	1. Orang (1) 2. Orang tua (6)	1. Buah masak merah 2. Buah masak lum	1. Orang yang elok rupanya (1) 2. Orang tua yang sudah uzur (6)

Kata Bahagian Tumbuh-tumbuhan		Kolokasi Kata Bahagian Tumbuhan	
5. Bunga	1. Perempuan (4) 2. Seseorang (5) 3. Yang hidup (6) 4. Seorang gadis (8) 5. Yang (9) 6. Perawan/gadis (11,23)	1. Bunga kembang 2. Bunga yang layu 3. Bunga tengah kembang 4. Bunga yang harum 5. Bunga yang layu 6. Bunga layu	1. Kecantikan dan keelokkan seorang perempuan (4) 2. Seorang yang mulanya menurut kehendak kita (5) 1. Yang hidup akan mati (6) 1. Kecantikan seorang gadis (8) 1. Yang - benda, manusia dan haiwan (9) 1. Perawan tua (11) 1. Gadis yang tidak bersuami (23)
6. Daun	1. Hidup (5)	1. Daun kering	1. Hidup melarat (5)

Bagaimanapun, kolokasi (keberadaan) kata bahagian tumbuh-tumbuhan tidak keseluruhannya membawa perluasan makna, terdapat juga kolokasi kata

bahagian tumbuhan yang berciri sebagai satu makna yang tersendiri, lihat rajah di bawah;

Kolokasi Kata Bahagian Tumbuhan	Konotatif
1. Kuat akar (2)	1. Orang-orang besarnya
2. Akarnya (3)	2. Orang-orang besarnya
3. Akar terjumbai (6)	3. Keterangan
4. Batang mati (2)	4. Tempat tinggal
5. Batang merdeka (10)	5. Pekerjaan
6. Buah masak (2)	6. i) Sesuatu cita-cita ii) Banyak kesenangan
7. Buahnya (9)	7. i) Yang tidak berguna ii) Orang yang tiada berbudi pekerti
8. Bunga kembang (4)	8. Gadis
9. Bunga setangkai/sekali (19, 24)	9. i) Yang sedikit ii) Seorang
10. Bunga seceper (19, 24)	10. i) Yang banyak ii) Keluarga yang banyak
11. Bau bunga (16)	11. Selalu terkenang

12. Daunnya (4)	12. i) Orang yang tiada berbudi pekerti (4a) ii) Yang (4b)
13. Pucuk layu (4)	13. Derita

Kepelbagaian penggunaan kata bahagian tumbuhan untuk menggambarkan sesuatu permaknaan menyebabkan berlakunya beberapa tumpang tindih permaknaan konotatif antara kata-kata bahagian tumbuh-tumbuhan sendiri dan kolokasi kata bahagian tumbuh-tumbuhan, lihat rajah di bawah;

Kata Bahagian Tumbuhan	Permaknaan Konotatif
1. Akar/Bunga	- Seseorang
2. Akar/Benih/Bunga	- Yang
3. Akar/Buah/Dahan	- Orang
4. Batang/Umbut	- Pekerjaan
5. Batang/Bunga	- Sesuatu, Pertolongan
6. Buah/Bunga	- Wanita (Perempuan)
7. Buah/Daun	- Perkataan

Kata Bahagian Tumbuhan + Kolokasi Kata Bahagian Tumbuhan	Permaknaan Konotatif
1. Bunga kembang/Bunga	- Gadis/perawan
2. Batang/Batang Merdeka/Umbut	- Pekerjaan
3. Dahan/Akar terjumbai	- Keterangan
4. Benih baik/Bunga	- Perbuatan baik
5. Benih yang baik/Umbut	- Yang baik
6. Batang/Kuat akar/Akarnya	- Orang-orang besar
7. Batang mati/ranting	- Tempat tinggal

Dapatan kajian juga menunjukkan, terdapatnya data yang tidak secara spesifik menggambarkan sesuatu permaknaan konotatif. Sebaliknya, permaknaan tersebut hanya menggunakan kata relatif 'yang' sebagai penanda makna. Untuk itu, pengkaji memberikan tafsiran sendiri berdasarkan makna yang termungkin berdasarkan makna dalam konteks peribahasa.

Kepekaan dan keprihatinan masyarakat lalu membina peribahasa tidak dapat dinafikan. Gambaran yang diingini secara tepat dan jitu digambarkan melalui benda-benda yang diambil daripada persekitaran mereka. Tumpang tindih yang berlaku adalah berasaskan persamaan ciri yang dimiliki oleh kata-kata yang dijadikan lambang. Keadaan semulajadi kata yang dilambangkan telah dimanipulasikan dan diwujudkan kesesuaiannya dalam dunia manusia yang sebenarnya.